

Temu ramah dengan Colin Koh

Sebagai ahli daripada Friends of Ubin Network (FUN), Colin Koh menyumbang kepada aktiviti alam semula jadi di luar dan penglibatan masyarakat di Pulau Ubin. Kami ingin mengetahui faktor yang mendorong beliau untuk meneruskan minat beliau terhadap sukan di pulau itu.



Colin di Kampung Utama. Colin juga merupakan ahli dari Persatuan Kanu Singapura! (Gambar ihsan daripada Greg O'Loughlin)

Apa yang mencetuskan minat anda untuk menggalakkan bersukan dengan selamat di Pulau Ubin?

Saya selalu meminati sukan pengembaraan, baik di dalam atau di luar bangunan, tetapi saya lebih menyukai sukan luar. Berdasarkan suhu kelembapan di Asia Tenggara, sukan air merupakan pilihan yang terbaik.

Minat saya terhadap bidang sukan bermula di Singapura dan saya memperoleh banyak pengalaman di luar negara semasa saya menetap di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Pada masa saya di sana, saya mendapati beberapa perbezaan yang ketara tentang mentaliti keselamatan dalam kalangan pengendali sukan di situ. Perkara yang menarik perhatian saya ialah ketidaksinambungan daripada perkara yang dinyatakan dan ketersediaan sebenar, atau kekurangan persediaan oleh pengendali.

Apabila saya kembali ke Singapura, saya bertekad untuk memperkenalkan beberapa amalan keselamatan yang telah saya perhatikan di sana.

Apa perubahan yang anda lihat di Pulau Ubin semenjak beberapa tahun ini, dan apa yang anda harap akan lihat di Pulau Ubin dalam masa sepuluh tahun yang akan datang?

Saya mula bekerja sebagai pengajar untuk ahli selam, menjalankan program di bahagian luar Tanjong Tajam di Pulau Ubin pada pertengahan 1980-an. Seiring dengan masa, saya telah lihat beberapa pembangunan di Ubin.

Ubin berubah secara beransur-ansur daripada tempat untuk masyarakat kampung, kemudian menjadi ruang untuk alam semula jadi dan penggunaan, dan sekarang tempat ini menjadi teras kepada warisan negara kita.



Colin (baris pertama, kedua dari kanan) bersama anggota FUN dan sukarelawan Pesta Ubin di acara makan malam penghargaan pada 19 Ogos 2022 yang dihadiri oleh Menteri Desmond Lee

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang The Ubin Way, imbas kod QR di bawah:



Tatkala kita memberikan lebih tumpuan kepada nilai rangkaian ekonomi, terhadap kreativiti, pembentukan idea dan daya cipta, Perdana Menteri Lee Hsien Loong pernah mengenal pasti Ubin sebagai pangsi untuk membawa penduduk ke arah cara pemikiran yang baharu. Perkara ini mungkin berakar umbi daripada "The Ubin Way" (istilah yang dicipta oleh FUN), yang pada pendapat saya bermaksud berfikir dari sudut organik (iaitu secara kitaran dan mampan) dan dan bukannya dari sudut sintetik. Idea ini telah dilancarkan oleh PM Lee kepada media aliran utama pada Hari Ubin yang pertama pada 30hb November 2014.

Merujuk kepada visi Projek Ubin, apa yang ingin anda katakan kepada generasi Singapura masa hadapan tentang Ubin?

Ubin bukan sekadar tempat perlindungan alam sekitar atau tempat pengembaraan buat Singapura. Ubin merupakan tempat perlindungan warisan, identiti dan semangat negara. Saya berani katakan yang Ubin ialah dan akan terus menjadi ujian kesedaran untuk warga kita, dan Ubin akan terus mempunyai pasukan yang berdedikasi untuk memberikan sokongan kepada pembaharuannya dalam dunia yang semakin huru-hara ini.

Secara ringkas, pada pendapat saya, jika Singapura ialah kapal maka Ubin ialah sauhnya.

Ubin Tales



Dengan Pertolongan daripada Rakan kami

Gerakan Vaksinasi Dos Penggalak Kedua COVID-19



Stesen vaksinasi di Kawasan Perhimpunan

Apabila Kementerian Kesihatan mengumumkan bahawa suntikan penggalak kedua akan ditawarkan kepada mereka yang berada dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas, para penduduk kampung meminta agar mereka menerima suntikan penggalak kedua mereka di pulau itu berdasarkan pengalaman positif yang mereka alami semasa gerakan vaksinasi yang terdahulu. Untuk kali keempat, Pasukan Perhubungan Masyarakat dari Lembaga Taman Negara (NParks) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk membawa kembali Pasukan Vaksinasi dari Rumah ke Rumah (HVT) ke Pulau Ubin. Pada 23hb September 2022, HVT telah memberikan suntikan vaksin kepada 23 penduduk kampung, sambil melawat mereka di rumah. Sekali lagi, penduduk kampung berasa gembira kerana menerima suntikan vaksin mereka dengan selesa di Pulau Ubin.



Vaksinasi bergerak di rumah seorang penduduk kampung



NParks dan rakan dari MOH HVT

Goodstock@RP

Kakitangan dan pelajar dari Politeknik Republik (RP) membawa acara Goodstock kembali ke Ubin untuk yang kali ketiga! Dianjurkan oleh RP dengan kerjasama daripada NParks, Goodstock@RP menggalakkan penduduk kampung untuk kekal sihat dan aktif melalui kegiatan kesihatan.

Mari lakukan senaman regang! Pelajar dari RP dan penduduk kampung melakukan sesi memanaskan badan untuk melakukan aktiviti



Acara yang berlangsung pada 19hb November 2022 ini memberikan peluang untuk belajar berkhidmat bagi pasukan RP kerana pelajar dapat berkongsi pengetahuan mereka tentang kesihatan dan pemakanan dengan penduduk kampung. Bersama atlet angkat berat Paralimpik, Aini Yasli, pasukan RP mengedarkan pek penjagaan kesihatan kepada penduduk kampung dan mengajar mereka cara senaman mudah dengan menggunakan jalur rintangan yang boleh mereka lakukan sendiri di rumah. Acara ini membolehkan para penduduk berehat sejenak dari rutin harian mereka di pulau itu. Semua penduduk mengakhiri sesi itu berbekalkan pengetahuan yang baharu dan berasa lebih bertenaga!



Penduduk kampung melakukan senaman tarik dengan menggunakan jalur rintangan



NParks dan rakan daripada RP selepas acara tersebut



Share your love for nature and animals at #NParksBuzz #AnimalBuzzSG



Burung Berek-Berek Rengkung Biru Berjaya untuk Bersarang

Berkat usaha pemulihan spesies oleh NParks di bawah Projek Ubin, kita dapat melihat banyak Burung Berek-Berek Rengkung Biru berjaya membiak di Pulau Ubin.

Kuari Ketam (dahulunya dikenali sebagai Kuari Aik Hwa) ialah tempat Burung Berek-Berek Rengkung Biru bersarang sebelum akhir tahun 1990-an apabila kuari itu masih beroperasi. Pada masa itu, burung tempatan ini selalunya bersarang di atas timbunan habuk granit yang terkumpul dari aktiviti di kuari. Namun, selepas operasi kuari berhenti pada tahun 1999, timbunan habuk granit yang merupakan tempat burung ini bersarang semakin berkurang. Di daerah lain di Singapura, terdapat rekod bahawa burung ini bersarang di hujung tebing, padang golf dan tompok rumput yang berpasir berhampiran dengan pantai.

Warna terang Burung Berek-Berek Rengkung Biru



Kuari Aik Hwa pada penghujung 1990-an



Tapak Pemulihan Spesies Burung Ketam di Kuari Ketam

Sejak tahun 2016, suatu kawasan berdekatan titik pandang Kuari Ketam telah aktiviti pemulihan spesies untuk tiga jenis burung: Burung Rapang Duit (*Vanellus indicus*) Burung Ciak Tempua (*Ploceus philippinus*) dan Burung Berek-Berek Rengkung Biru. Tujuh busut yang diperbuat daripada berbagai bahan komposisi telah dibina untuk keperluan Burung Berek-Berek Rengkung Biru. Untuk Burung Rapang Duit, jenis spesies burung yang bersarang di tanah, tempat berbatu-bata yang terbuka dan padang rumput telah digabungkan dalam reka bentuk tapak itu. Pokok yang mempunyai dahan yang rendah telah ditanam untuk keperluan Burung Ciak Tempua yang membina sarang tergantung dari dahan pokok.



(Mengikut arah jam dari kiri atas) Pelbagai usaha pemantauan oleh pasukan NParks

NParks telah melakukan pemantauan tahunan dengan kamera dan teropong. Semasa pemantauan rutin pada 2021, pasukan NParks melihat bahawa Burung Berek-Berek Rengkung Biru telah bersarang di atas busut tersebut! Barulah didapati bahawa mereka gemarkan habuk granit dan busut tanah.

Burung ini mula mengawan dan menggali terowong pada bulan Mac, selepas pulang dari migrasi tahunan, dan tempoh pembiakan mereka berlangsung hingga bulan Julai. Apabila burung ini kelihatan sering keluar masuk dari sarang mereka, endoskop dan perangkap kamera digunakan untuk memantau burung-burung ini dengan lebih dekat. Burung ini didapati menggali terowong sedalam 1 m dan selebar 6 cm di dalam busut yang ia bertelur dalam lubang kecil yang terdapat di hujung terowong itu. Apabila telur menetas, anak burung akan tinggal di dalam lubang itu dan akan naik ke pintu masuk terowong itu secara berperingkat apabila mereka semakin matang dan semakin lapar.



Anak Burung Berek-Berek Rengkung Biru ingin keluar, di dalam lubang sarang

Setakat tahun 2022, walaupun terdapat pemangsaan dan terowong runtuh, terdapat 11 sarang direkodkan yang anak-anak burung berjaya keluar and terbang dari sarang mereka. Pemantauan akan terus dilakukan untuk sesi pembiakan yang seterusnya dan semoga kita dapat pelajari dengan lebih terperinci tentang burung yang menakjubkan ini!

